



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 MEI 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Penduduk lega bincang isu kesesakan

12



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 MEI 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Penduduk lega bincang isu kesesakan
Muka Surat	12

Ms.12 Jumaat, 26 Mei 2017 BH

→ HALAMAN KOTA

ISU KESESAKAN LALU LINTAS DI TAMAN MELAWATI



Antara penduduk Taman Melawati hadir pada sesi dialog dengan kepada pihak MPAJ dan Sime Darby Melawati Development berkaitan status lalu lintas di sekitar Melawati Mall, semalam.



Razman Hakimi ketika memberi penerangan status lalu lintas yang bakal dihadapi selepas pembangunan Melawati Mall, semalam.



Perkara ini perlu dikaji secara mendalam kerana ia membabitkan faktor teknikal yang khusus. Kita akan merancang tindakan sewajarnya"

Abd Hamid Hussain,
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Penduduk lega bincang isu kesesakan

➔ Sesi dialog disertai MPAJ, pemaju beri ruang warga Taman Melawati suarakan masalah

Oleh Mohd Farkhan Abdul Ghapar
bhnews@bh.com.my

► Ampang

Penduduk Taman Melawati, di sini menarik nafas lega selepas hasrat bersempena dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tercapai dalam sesi perjumpaan bagi membincangkan masalah kesesakan lalu lintas dihadapi mereka.

Sesi dialog selama dua jam itu yang turut dihadiri syarikat pe-

maju, Sime Darby Melawati Development Sdn Bhd, memberi ruang semua pihak berbincang masalah dihadapi penduduk kawasan berkenaan sejak dua tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Melawati A, B dan C Taman Melawati, Razman Hakimi Abdul-lah, berkata mereka amat lega apabila hasrat bersempena dengan MPAJ tercapai menerusi majlis berkenaan yang diadakan lewat petang kelmarin.

Sumbang idea

Kami sangat bersyukur pengurusan tinggi MPAJ turun mendengar masalah kami. Kami mahu mereka tahu apa masalah kami hadapi setiap hari. Menerusi sesi ini, semua pihak dapat menyumbang idea untuk menyelesaikan masalah.

"Kami harap sesi sebegini diteruskan pada masa akan datang," katanya ketika ditemui selepas sesi itu yang dihadiri Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain serta Ketua Pembangunan Sime Darby Melawati Development Sdn Bhd, Mohd Shahriza Maswan.

Pada 16 Mei lalu, Halaman Kota melaporkan rungutan penduduk berhubung masalah kesesakan lalu lintas di kawasan itu berikutan pembangunan di sekitarnya yang turut menyebabkan perubahan pada aliran trafik.

Perubahan itu bagi susur masuk ke Taman Melawati dari Lebuhraya Lingkar Tengah 2 (MRR2) yang tidak strategik, juga didakwa mengundang bahaya kepada pengguna jalan, selain lintasan pejalan kaki dibina terlalu hampir dengan susur keluar ke MRR2.

Penduduk mendakwa, aliran masuk ke kawasan perumahan mereka diubah berikutan pembinaan kompleks beli-belah, bangunan pejabat dan projek pembangunan, yang antara lain menjejaskan trafik di Jalan Taman Melawati, Jalan Bandar dan Jalan Kolam Air.

Mereka juga mendakwa MPAJ seolah-olah tidak mengendahkan aduan penduduk berhubung masalah berkenaan kerana gagal menghantar wakil ke sesi dialog bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan penduduk yang diadakan pada 15 Mei.

Susulan itu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, mengingatkan pihak berkuasa tempatan seluruh negara tidak mengambil mudah aduan penduduk yang sebaliknya perlu dipandang serius dan diselesaikan.

Teliti cadangan

Sementara itu, Abd Hamid berkata, MPAJ akan membuat penilaian semula bersama pemaju untuk menyelesaikan masalah aliran trafik bagi laluan keluar masuk penduduk di kawasan terbabit.

"Kami terima cadangan penduduk untuk menilai semula dan mengadakan perbincangan teliti bersama pemaju di kawasan ini bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

"Perkara ini perlu dikaji secara mendalam kerana ia membabitkan faktor teknikal yang khusus. Kita akan merancang tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan kemelut yang dihadapi penduduk di sini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, MPAJ akan melaksanakan cadangan penduduk untuk memperketatkan penguatkuasaan tindakan kompaun, kunci tayar serta menunda kenderaan yang diletakkan sesuka hati di tepi jalan kawasan berkenaan.

"Ini kerana perbuatan itu turut menyumbang kepada gangguan aliran trafik di kawasan terbabit," katanya.



Keratan akhbar BH keluaran 16 Mei lalu